

LAPORAN AKTIVITI BULANAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG
(JANMPP)
BAGI BULAN MAC 2024

- 1. PEMBENTANGAN : PERTANDINGAN IDEA INOVASI RUANG PEJABAT – 05.03.2024**
- 2. MAJLIS PERHIMPUNAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG – 07.03.2024**
- 3. KURSUS KESEDARAN KE ARAH PEMAKANAN SIHAT – 08.03.2024**
- 4. KURSUS PEMBANGUNAN DASHBOARD ANALYTIC (SIRI 1) (DALAM TALIAN) - 25 MAC HINGGA 27 MAC 2024**
- 5. MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA BAGI BULAN MAC TAHUN 2024 – 01.04.2024**

LAPORAN AKTIVITI BULANAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG
BAGI BULAN MAC 2024

**1. PEMBENTANGAN : PERTANDINGAN IDEA INOVASI RUANG PEJABAT –
05.03.2024**

Jawatankuasa Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) JANMPP telah menganjurkan satu Pertandingan Idea Inovasi Ruang Pejabat yang bermula pada 19 Februari 2024 sehingga 1 Mac 2024. Pembentangan bagi idea inovasi ini telah diadakan pada 5 Mac 2024 pada jam 10.15 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat Kesidang JANMPP. Sebanyak 8 kumpulan telah mengambil bahagian dengan lontaran sebanyak 13 buah idea bagi kesejahteraan untuk dinikmati warga JANMPP agar mutu perkhidmatan bertambah baik.

Keputusan bagi idea-idea ini adalah sumbangan 60% markah dari juri-juri JANMPP yang berkaliber dan 40% adalah melalui undian kakitangan JANMPP. Penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan ini telah dilaksanakan pada 07.03.2024 semasa perhimpunan JANMPP.

Hebahan Pertandingan



Gambar-gambar semasa persembahan:





2. MAJLIS PERHIMPUNAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG – 07.03.2024

Pada 7 Mac 2024, Seksyen Pengurusan telah menganjurkan Majlis Perhimpunan Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang yang bertempat di Ruang Legar Seksyen Operasi. Majlis ini bertemakan *Batik Elegan* dan telah dirasmikan oleh Puan Maziah binti Musa, Pengarah JANMPP. Puan Pengarah telah menyampaikan amanat dan cenderahati kepada kakitangan sebagai penghargaan dan motivasi.

Jemputan Majlis:



Gambar-gambar semasa majlis:





3. KURSUS KESEDARAN KE ARAH PEMAKANAN SIHAT – 08.03.2024

Satu kursus dalaman JANMPP telah diadakan pada 08.03.2024 secara bersemuka dan juga secara atas talian dan telah diikuti oleh 67 orang peserta yang terdiri daripada warga JANMPP. Kursus ini telah bermula pada jam 8.30 pagi dan berakhir pada jam 4.30 petang. Dua orang penceramah jemputan dari Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang dari cawangan Pemakanan, Encik Wan Mohd Nurussabah bin Abd Karim dan Encik Thirukkanesh a/l Sanvashivam telah menyampaikan taklimat bertajuk '*Penyakit Berkait Dengan Pemakanan*' dan '*Modifikasi Diet & Aktifkan Diri*'.

Objektif kursus adalah untuk meningkatkan pengetahuan kepentingan amalan pemakanan sihat; pengurusan menu/pemakanan harian yang seimbang bagi mencapai kesihatan mental dan fizikal; dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam memantau pengambilan kalori harian.

Gambar-gambar semasa kursus dijalankan :





4. KURSUS PEMBANGUNAN DASHBOARD ANALYTIC (SIRI 1) (DALAM TALIAN) - 25 MAC HINGGA 27 MAC 2024.

Institut Perakaunan Negara (IPN) bersama-sama dengan Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP) telah menganjurkan satu kursus *Pembangunan Dashboard Analytic* yang telah diadakan secara atas talian. Kursus ini telah diikuti bersama oleh warga JANM Pulau Pinang, Melaka, Perlis dan Tawau. Kursus ini telah berlangsung selama 3 hari bermula 25 Mac 2024 sehingga 27 Mac 2024.

Gambar-gambar semasa kursus dijalankan:





5. MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA BAGI BULAN MAC TAHUN 2024 – 01.04.2024

Perhimpunan Bulanan Jabatan Akauntan Negara Malaysia Bulan Mac Tahun 2024 telah diadakan pada 1 April 2024 bertempat di Dewan Serbaguna, Aras 7 Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Warga JANM Pulau Pinang telah bersama-sama mengikuti dan mendengar amanat dari YBrs Akauntan Negara Malaysia secara atas talian yang telah bermula pada jam 8.30 pagi hingga 10.15 pagi di Bilik Mesyuarat Kesidang, JANMPP. Tema bagi Perhimpunan Bulanan bagi bulan Mac adalah *“Madrasah Ramadhan: Tarbiah Penyucian Jiwa &Pengukuhan Kompetensi Diri”*.

Hebahan Program:



Gambar-gambar semasa perhimpunan bulanan:

